

29/10/1998

6,000 hadir majlis tilawah

MELAKA, Rabu - Hujan renyai-renyai sejak lewat petang tidak menghalang umat Islam untuk berkunjung ke Stadium Kubu bagi menyaksikan tilawah al-Quran peringkat kebangsaan kali ke-41, malam tadi.

Kira-kira 6,000 penonton, termasuk pelajar tidak mahu ketinggalan menyaksikan majlis tilawah itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pusat, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia merangkap Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Ketika majlis bermula, orang ramai membanjiri kawasan padang untuk menghayati bacaan ayat suci al-Quran selain melihat lebih jelas wajah qari dan qariah yang mengambil bahagian.

Malam tadi, hanya seorang qari dan seorang qariah memperdengarkan bacaan masing-masing, iaitu Dhari Bigek dari Sarawak dan Siti Aminah Awang selaku johan qariah menunggu.

Sebaik saja selesai bacaan doa oleh Mufti Negeri Melaka, Datuk Rashid Redza Mohd Salleh, johan qariah sekolah peringkat kebangsaan, Mimi Munawarah Abdul Majid memperdengarkan bacaannya selaku qariah jempunan.

Pada ketika itu, hujan yang pada mulanya turun renyai-renyai, menjadi agak lebat sedikit. Bagaimanapun, orang ramai yang berada di padang, khususnya kaum ibu, masih setia berdiri sambil memegang payung dan mendukung anak untuk mengikuti acara seterusnya.

Selepas ucapan perasmian Perdana Menteri, orang ramai dipersembahkan dengan nyanyian nasyid daripada kakitangan Jabatan Pendidikan Negeri, pelajar Sekolah Menengah Agama Jabatan Agama Islam Melaka, Merlimau dan guru pelatih Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka.

Kumpulan ini menyampaikan dua lagu nasyid, iaitu lagu tema 'Kesejahteraan negara tanggungjawab kita' dan 'Al-Quran'.

Majlis menjadi bertambah meriah apabila kumpulan Raihan tampil menyampaikan lagu nasyid mereka yang menjadi ikutan golongan belia.

Antara lagu yang disampaikan ialah Alhamdulillah, Syukur dan Iman dan Mutiara.

(END)